



IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia (tinggal di Negeri Kedah Darul Aman) yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan Tetap bagi Kumpulan Sokongan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah Darul Aman.

1. (a) Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H11
(b) Kementerian/Jabatan : Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
2. Jadual Gaji

Gaji Minimum	RM 1,218.00
Gaji Maksimum	RM 2,939.00
3. Syarat-syarat Lantikan :
 - (i) Warganegara Malaysia (Lelaki sahaja);
 - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (iii) a. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - b. Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)); dan
 - c. Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

Lesen D	RM 1,264.15
Lesen E/E1/E2	RM 1,310.30
Lesen F/H	RM 1,356.45
Lesen G/1	RM 1,402.60

- d. Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik.

(iv) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap
5. Bilangan kekosongan : Satu (1)
6. Penaklukan di bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan. Memastikan kenderaan dijaga dengan baik serta bertanggungjawab ke atas Buku Log Kenderaan.
8. Cara Memohon :
 - (a) Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi **BORANG JKMNK 1/2018** yang boleh didapati dalam LAMAN WEB: **www.jkm.gov.my**
 - (b) Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peruntukan dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dan Ketua Jabatan dikehendaki mengemukakan permohonan itu bersama-sama dengan salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini. Permohonan tanpa disertakan dengan salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi dianggap tidak lengkap dan tidak akan dipertimbangkan.
 - (c) Semua permohonan hendaklah disertakan salinan dokumen-dokumen berikut yang telah disahkan:
 - (i) Sekeping gambar ukuran pasport (terkini)
 - (ii) Kad Pengenalan
 - (iii) Sijil Pendaftaran Kelahiran/Sijil Lahir
 - (iv) Sijil Tamat Persekolahan Darjah 6 Sekolah Rendah Bantuan Penuh Kerajaan
 - (v) Sijil kelulusan akademik dan sijil-sijil yang berkaitan

- (vi) Lesen Memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
- (vii) Salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi bagi calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan.
- (d) Borang permohonan yang dikemukakan hendaklah ditulis Huruf Besar Nama Jawatan Yang Dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat.
- (e) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:-

**PENGARAH,
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KEDAH,
ARAS BAWAH, BLOK C, KOMPLEKS PERSEKUTUAN,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN ANAK BUKIT,
BANDAR MU'ADZAM SHAH,
06550 ANAK BUKIT, KEDAH DARUL AMAN
(U/P: BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

9. Tarikh tutup permohonan : **3 JUN 2018**

Catatan :

Hanya pemohon yang layak selepas tapisan dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.